

Minda Pengarang

PM tempelak Barat songsangkan naratif Gaza, hilang 'hak' ajar dunia Timur

Konsep 'beban orang kulit putih' antara justifikasi digunakan kuasa imperialis Eropah untuk menjajah dunia Timur termasuk dunia Islam, iaitu kononnya menjadi tanggungjawab moral mereka untuk 'membawa peradaban' mengikut pandangan alam sekular kepada bangsa dianggap mudur dan gasar. Ia tergambar dalam puisi penyair British, Rudyard Kipling dengan judul *The White Man's Burden* yang menyokong penjajahan Amerika Syarikat (AS) ke atas Filipina selepas Perang Sepanyol-Amerika, sekali gus meneruskan hujah penjajahan dan imperialisme.

Meskipun penjajahan Barat sudah lama berlalu dengan negara di Timur bukan sahaja berjaya mencapai kemerdekaan, bahkan menentukan sendiri garis perjalanan negara masing-masing, imaginasi 'beban orang kulit putih' masih menjadi pegangan mereka hingga mahu mengajar dunia Timur terutama negara Islam mengenai makna demokrasi, kebebasan dan hak asasi manusia. Justeru, kenyataan tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika merasmikan Muktamar Masjid Se-Malaysia untuk al-Aqsa dan Palestin di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, bahawa Barat tidak perlu mengajar Liga Dunia Islam mengenai konsep berkenaan adalah satu tamparan tepat pada wajah keangkuhan mereka.

Hakikatnya, dunia Barat sama ada Amerika atau Eropah sudah hilang 'hak' untuk menerangkan falsafah demokrasi, kebebasan dan hak asasi manusia kerana bukan sahaja gagal menghalang 'anak emas' mereka, Israel daripada melancarkan serangan genosid ke atas Gaza yang kini menjadikan penjara terbuka terbesar dunia itu sebagai padang jarak padang tekukur, bahkan tangan mereka turut berlumuran dengan darah lebih 40,000 penduduk yang terkorban. Malah, naratif yang cuba dikawal mereka juga adalah songsang dan palsu serta tidak berperikemanusiaan kerana apa berlaku di Gaza bukan baru bermula pada 7 Oktober, sebaliknya sejak 1948 apabila pengganas Zionis menjajah Palestin dengan bantuan kuasa kolonial, iaitu British dan Perancis.

Bagaimanapun, Barat menyedari kuasa ketenteraan dan ekonomi semata-mata tidak boleh menutup mata warga dunia termasuk rakyat mereka sendiri hingga cuba mengawal naratif media antarabangsa dengan menjadikan rakyat dan pejuang Palestin sebagai pemangsa, manakala rejim Israel sebagai 'mangsa keadaan' yang tidak ada pilihan kecuali menyerang. Justeru, kita bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri bahawa semua pihak tidak terpedaya dengan usaha Barat menentukan naratif serangan berterusan di Palestin bermula sejak tindakan ketenteraan Hamas itu.

Dalam berdepan dengan pbingkaian media itu, semua pihak perlu memperkukuh pencerahan dan kefahaman terhadap hakikat sejarah dan peristiwa semasa di Asia Barat, sekali gus mendapatkan maklumat sebenar daripada sumber yang sah dan agendanya tidak ditentukan kepentingan Israel serta sekutunya. Malaysia juga perlu memperhebatkan usaha membantu rakyat Palestin yang menjadi mangsa kekejaman rejim Zionis, termasuk bantuan kemanusiaan dan aspek perubatan seperti terus membawa masuk pesakit untuk mendapatkan rawatan di negara ini walaupun dikritik segelintir yang tidak mempunyai hati budi.